

Lerai polemik Pantai Kasih bagai tarik rambut dalam tepung

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bh.com.my

Polemik karya sastera yang dipilih sebagai teks Komponen Sastera (KOMSAS) yang menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah memang tidak pernah padam.

Kalaupun suara bantahan, kritikan dan sindiran tidak terasa pada suatu-suatu ketika, ia ibarat api dalam sekam yang mempunyai potensi untuk meletus.

Barangkali itulah sebabnya polemik *Pantai Kasih* yang menjadi teks KOMSAS untuk Tingkatan 4 meletus pada awal sesi persekolahan baharu tahun ini meskipun ia sudah pun diguna pakai sejak tahun lalu.

Ia kemudian menjadi viral di media sosial sehingga dikongsi lebih seribu pengguna lain, mendapat ratusan komen termasuk reaksi daripada pengarang serta pensyarah pendidikan dan sastera.

Orang tua-tua mengibaratkan polemik itu sebagai mulut tempayan

bagaimana menjahitnya atau mulut buyung dapat dipendam, mulut manusia siapa dapat menutup.

Bagaimanapun, harapan kita ialah Kementerian Pendidikan yang menemui panel pemilihan teks KOMSAS dan guru, Faiez Ali yang dikatakan memuat naik status mengenai novel berkenaan serta mengadakan mesyuarat peringkat pengurusan tertinggi dapat menyelesaikan isu berkenaan.

Pada masa sama, institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau persatuan penulis pada peringkat nasional mahupun negeri mengambil inisiatif untuk memperjelaskan hal sebenar supaya polemik novel itu tidak melarat kepada kesilapan membuat tanggapan terhadap pengarang, karya sastera dan kesusasteraan sendiri.

Mekanisme pemilihan, pelantikan penilai

Kita mengharapkan penyelesaian isu ini ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut jangan

putus dan tepung jangan berselerak, tetapi tidaklah sampai mengambil tindakan hanya seperti melepaskan batok di tangga atau marahkan nyamuk, kelambu pula dibakar.

Isu sebenar yang sewajarnya diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan ialah mekanisme pemilihan teks KOMSAS termasuk pelantikan penilai yang berkredibiliti dan berintegriti, pembabitan pihak berautoriti seperti DBP serta institusi berkaitan sastera di universiti awam (UA) serta skema penilaian.

Pada Isnin lalu, *Sastera BH* melaporkan saranan pensyarah dan pengarang supaya mekanisme penilaiannya ditambah baik, manakala pandangan Ahli Jawatankuasa PENA, Muhammad Lutfi Ishak wajar dipertimbangkan.

Muhammad Lutfi meminta setiap karya dipilih mengambil kira faktor pengarang yang memiliki sejarah kepengarangan jelas dan sumbangannya besar kepada sastera



kebangsaan, manakala penerbit pula mesti memperlihatkan rekod jelas terhadap penerbitan karya berbobot.

Teks yang dipilih pula mewakili sastera kebangsaan termasuklah

karya yang dianggap berat, tetapi dipermudahkan seperti yang sebelum ini dilakukan dalam konteks sastera Inggeris termasuk di luar negara.

Wajah sastera, persuratan tanah air

Lebih penting, karya yang dipilih menggambarkan wajah sastera dan persuratan tanah air yang bermula sejak abad ke-16 hingga ke-21, sekali gus mendedahkan pelajar terhadap hakikat khazanah kesusasteraan yang mempunyai sejarah panjang serta besar.

Saranan Muhammad Lutfi itu sebenarnya boleh dibincangkan dengan lebih lanjut kerana teks sastera bukan hanya boleh dimasukkan sebagai elemen, bahkan

dipelajari sebagai mata pelajaran yang khusus.

Dalam perkembangan sama, Biro Penulis Muda PENA akan mengadakan Dialog Orang Muda (DOM) berjudul KOMSAS: Apa Cerita akan diadakan di Rumah Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur pada 31 Januari ini, jam 11 pagi.

Perbincangan itu akan menampilkan penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write), Syed Mohd Zakir Syed Othman atau lebih dikenali sebagai SM Zakir; Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Zariff Hassan dan penulis muda, Raiha Baharudin.

Kita berharap perbincangan itu akan membuka jalan ke arah penambahbaikan usaha kerajaan yang sebenarnya sangat bagus untuk mengangkat karya sastera kebangsaan, sekali gus membina kesedaran terhadap sumbangan kesusasteraan dalam pembinaan jati diri rakyat di negara ini.